

Headline	Cemerlang SPM buka peluang ke IPT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	322 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,100
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,299



Cemerlang SPM buka peluang ke IPT

Muar: Calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mesti menanam tekad untuk berjaya dengan cemerlang kerana peperiksaan itu membuka peluang untuk melanjutkan pengajian.

Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Muar, Najib Sipan, berkata pencapaian cemerlang dalam SPM membolehkan lulusannya meneruskan pengajian dalam program yang sesuai di peringkat diploma atau prajazah.

Katanya, pemilihan program yang sesuai di peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) akan juga membuka peluang untuk menceburi kerjaya yang sesuai dengan minat masing-masing.

Rujuk BH

"Calon SPM hendaklah menepikan impian bagi mencapai keputusan cemerlang.

"Antaranya meningkatkan usaha untuk menimba ilmu dengan mendapatkan bahan rujukan tambahan termasuk melalui akhbar BH.

Beliau berkata demikian

dalam majlis perasmian Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM anjuran Kelab TaHa Tabung Haji (TH) dan BH, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Penolong Pengurus TH Cawangan Muar, Ismail Jali.

Akaun TH

Sementara itu, Ismail berkata, program bertujuan membantu calon SPM mengetahui teknik menjawab dengan berkesan.

Beliau berkata, peserta yang berpeluang mengikuti seminar itu adalah pelajar yang sudah membuka akaun TH dan menjadi ahli Kelab TaHa.

Katanya, program itu membuktikan tanggungjawab sosial korporat TH untuk membantu kecemerlangan pendidikan pelajar dalam usaha melahirkan insan berilmu.

Ilmu baharu

"Kami yakin usaha ini dapat membantu pelajar untuk menambah ilmu baharu.

"Saya berharap pelajar yang menyertai seminar ini menggunakan panduan oleh penceramah ketika mengulang kaji pelajaran menjelang peperiksaan," katanya.

Hampir 250 calon SPM dari 15 sekolah sekolah Muar menyertai program sehari itu.

"Saya berharap pelajar yang menyertai seminar ini menggunakan panduan oleh penceramah ketika mengulang kaji pelajaran menjelang peperiksaan"

*Ismail Jali,
Penolong Pengurus TH
Cawangan Muar*



Ismail (hadapan dua dari kanan) bersama sebahagian pelajar yang mengikuti Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM 2014, di Balai Masjid Sultan Ibrahim, Muar. [FOTO JAMALUDIN HUSIN]